JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
Accountant General's Department of Malaysia
NEGERI PAHANG
Tingkat 1, Wisma Persekutuan
25594 Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel : 09-591 5000
Faks : 09-516 4931
Laman Web : https://pahang.anm.gov.my

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/2/2 Jld.3 (16)

Tarikh : 15 Oktober 2026

SURAT PERINGATAN PERTAMA

Senarai Edaran
(Seperti di Lampiran A)

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI VOT SEPTEMBER 2026

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, merujuk kepada para 4.5.1 Lampiran K: Garis Panduan Tatacara Penyelenggaraan Dan Semakan Laporan (**Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 5 tahun 2023),** PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam laporan adalah tepat dan betul**.** Pengesahan hendaklah dilakukan dengan melengkapkan **Sijil Pengesahan baki di Lampiran K3** dan mengemukakan kepada AO selewat-lewatnya pada **14 haribulan bulan berikutnya.**

3. Berdasarkan kepada arahan tersebut, semakan JANM Pahang mendapati masih terdapat PTJ yang belum mengemukakan Pengesahan Baki Vot sehingga bulan **September 2026** seperti di **Lampiran A.** Bersama-sama ini dilampirkan status penerimaan Sijil Pengesahan Baki Vot bagi jabatan-jabatan di bawah seliaan JANM Pahang sehingga **bulan September 2026.**

4. Sehubungan dengan itu, sila kemukakan Sijil Pengesahan Baki Vot kepada JANM Pahang dengan **kadar segera**. Tindakan semakan dan pengesahan laporan oleh PTJ adalah penting bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan dengan lengkap dan tepat.

5. Kerjasama dan tindakan **SEGERA** adalah diperlukan bagi penerimaan Sijil Pengesahan Baki Vot yang berstatus **TH (Tidak Hantar) dan K (Kuiri).** Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan pegawai berikut:

i) Puan Ros Lianatrah binti Aman Tubillah (09-5915021)
ii) Cik Saayah binti Othman (09-5915026)

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

(NOOR AZIRA BINTI ABD RASHID C.A.(M))
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pahang